

Dari Sebulan ke Sebulan

Di dalam Mesyuarat Agong Perwakilan-perwakilan UMNO Singapura tatkala melantik Yang di-Pertuanya maka segolongan pihak yang tidak mau melantik Dato' Abdul Hamid bin Haji Jumat (yang mau Tuan Syed Ali Redha) lalu keluar beramai-ramai sebagai bantahan kepada suara yang banyak memilih Encik Abdul Hamid bin Haji Jumat. Kita tidak tahu dengan alasan apa! Tetapi langkah seperti ini harus untuk meretakkan perpaduan orang-orang UMNO sendiri. Kerana itu orang-orang bertanya adakah sesuatu anasir yang berdiri di belakang layar kejadian itu untuk memecahkan perpaduan di dalam UMNO Singapura?

* * *

Dalam perkara tersebut di atas ini banyak pula timbul fikiran-fikiran baharu yang menyangka bahawa di dalam pilihan-pilihan itu yang dituju tidak lain daripada mencari kedudukan sedang sebahagian daripada pengikut-pengikutnya terpengaruh oleh kata-kata daripada mereka yang berkenaan. Untuk membuktikan ini lebih jelas, kalau orang yang berkenaan yang tidak terpilih itu keluar dengan sendirinya daripada pertubuhan itu. Di sana boleh nanti dilihat orang apakah sebenarnya ia berjuang atau cari kerusi. Ini juga jadi satu bukti yang dinanti-nanti orang di luar, adakah mereka berjuang dengan ikhlas? Kalau ikhlas tentu patuh kepada suara yang terbanyak, kata mereka.

* * *

Ada suatu hal yang perlu diperhatikan benar oleh orang-orang terutamanya di dalam lingkungan UMNO dengan secara yang siuman. Dalam pilihanraya itu ada empat calon – daripada empat terpilih seorang – dua daripadanya patuh mengikut keputusan ramai – masih menyertai suara ramai. Hanya satu sahaja yang enggan – terus keluar. Apakah perbuatan secara ini perbuatan yang bijak? Tak guna

bercakap berdegar-degar kalau sekiranya di dalam perjuangan masih ada perasaan aku layak berkempen kerana walaupun tidak akan diperalat orang tetapi sedikit sebanyaknya memecahkan perpaduan. Lebih hebat kalau orang-orang seperti ini masih ada juga menghadapi masyarakatnya – bermegah-megah berjuang kerana bangsanya. Tidakkah ia boleh bersab¹ untuk pilihan yang akan datang sekiranya ia jujur di dalam perjuangannya?

* * *

Tahun ini perarakan menyambut *Mawlid Nabawī Sharīf* di Singapura lebih meriah daripada tahun-tahun yang lalu. Di dalam masa yang singkat urusannya mereka telah dapat mengadakan perarakan yang hampir-hampir seramai 20,000 orang banyaknya. Hanya sanya yang nampaknya urusannya yang tidak memuaskan ialah peraturan-peraturan di dalam tiap-tiap bahagian tidak tersusun dengan sempurnanya terutamanya tentang memberi makanan kepada kanak-kanak sekolah sehingga sampai pukul 3 petang, khabarnya kanak-kanak sekolah belum sempurna makan lagi. Kerana itu ada guru-guru agama yang bertanggungjawab berkata lebih baik jangan adakan makan kalau lambat sebab kelak akan menyusahkan kanak-kanak yang harus telah sangat kelaparan kerana menunggu makanan sekali makan. Kalau kanak-kanak itu sakit siapa tanggung. Pekerjaan yang lalu ini hendaknya menjadi perhatian untuk cermin tahun hadapan – bukankah ini lebih baik?

* * *

Undang-undang mengenai bayaran cukai gambar-gambar filem yang dibawa masuk ke Singapura telah diluluskan dalam masa 40 minit di dalam sidang Majlis Mesyuarat Undangan Singapura iaitu suatu hal yang belum pernah terjadi. Undang-undang ini, belum sempat dikaji oleh wakil-wakil di situ, terutamanya pihak pembangkang. Ini, menurut Tuan A.P. Rajah perkara luar biasa. Kalau pada masa yang lalu apabila suatu undang-undang diluluskan dalam masa sehari Tuan Lee Kuan Yew bersumpah dengan mengatakan tidak sempat dikaji

¹ Kesalahan teks. Sebetulnya 'bersabar'.

maka setelah Petir memerintah terbit rekod baharu hanya disahkan sesuatu undang-undang dalam masa 40 minit. Orang hanya berkata inilah dunia.

* * *

Suatu peristiwa telah terjadi di Persekutuan dalam mana wakil-wakil dari Parti Sosialis telah ditegah masuk ke Dewan Majlis Parlimen kerana mereka hanya memakai baju kemeja sahaja. Mereka terpaksa datang semula lewat sejam lebih kerana bersumpah di dalam Majlis Pembukaan Sidang *Parliament* itu sebab mesti tukar pakaian. Orang-orang hairan melihat setengah-setengah kelakuan orang-orang seperti ini kerana di dalam sidang itu mereka menunjukkan bahawa mereka tidak mau berpakaian cukup tetapi di majlis-majlis lain selain daripada sidang itu mereka tidak lepas dengan pakaian cukup, berbaju dan *necktie*. Adakah ini satu olok-olokan atau sebenar-benarnya tujuan mereka? Orang yang tidak menghormati majlis orang dengan adat istiadat orang lazimnya disebut di dalam bahasa Melayu, yang berasal daripada bahasa Arab, dengan perkataan biadab atau tidak tahu adat istiadat orang.

* * *

Tuan Haji Hassan Yunos, Menteri Besar Johor, di dalam ucapannya kepada pemuda-pemuda di dalam Kursus Kemasyarakatan di Johor Bahru di antara lain-lain mengatakan, bahawa nasib depan negeri ini adalah bergantung kepada pemuda-pemudanya. Pemuda negeri ini memegang peranan yang penting untuk kemajuan ekonomi negeri ini. Apa yang dikatakan beliau adalah benar sungguh. Bukannya pemuda-pemuda itu terletak tanggungjawabnya hanya terhadap ekonomi sahaja tetapi mereka lebih bertanggungjawab terhadap kepada agamanya. Untuk penyelenggaraan ini mustahak sungguh Tuan Haji Hassan memerhatikan kedudukan pelajaran di Pejabat Agama Johor yang beliau tentu faham di dalam masa perkembangannya masa yang lalu dan ke mana sepatutnya ditujukan masa hadapan. Tanggungan beragama tentunya lebih besar daripada tanggungan yang lain terutamanya kepada orang seperti Menteri Besar ini.

Seorang gadis berumur 15 tahun dari Kampung Bukit Diman Terengganu dikatakan telah berkahwin dengan seorang India di tempat kadi sejauh 100 batu dari daerahnya kerana kadi di daerah itu enggan menikahnya. Menurut pendapat kadi daerah itu bahawa perempuan itu sendiri tidak mau nikah sebab ia masih terlampau muda dan masih hendak bersekolah lagi dan menurut dakwaannya bahawa mungkin perempuan yang dikahwinkan itu dipaksa oleh ibu bapanya baharu ia mau dinikahkan. Menurut pendapat sebahagian ulama bahawa langkah kadi ini benar kerana kalau seseorang hendak mengkahwinkan anaknya, sekalipun anak gadisnya hendaklah dengan izinnya, dengan keredaannya sedang al-Imam al-Shāfi'ī sendiri menyuruh tilik dalam keadaan diam gadis yang ditanya itu kerana kalau diamnya diam ingkar maka tidak ada hak bagi walinya mengahwinkannya dan jika dikahwinkan juga, sedang perempuan tidak reda maka perempuan boleh datang kepada kadi meminta difasakhkan sebab ia tidak reda dipaksa di dalam kahwinnya. Cara ini telah berlaku di dalam zaman Rasulu -llah. Tuan Mufti Terengganu yang berdasarkan progresif itu wajib memerhatikan perkara daerahnya!

* * *

Pejabat Agama Selangor telah berusaha hendak mengambil langkah terhadap kepada seorang wanita di Selangor yang mendakwa telah menjelma menjadi Puteri Dewi Sepri. Kepada wanita ini telah banyak datang orang berduyun-duyun terutamanya wanita-wanita, untuk meminta sesuatu kepadanya. Sudah tentu kedatangan mereka **membawa sedikit sebanyak** untuk Tuan Puteri yang telah dipuja mereka. Kerana perkara-perkara ini harus membawa kepada syirik itulah Pejabat Agama Selangor kononnya akan bertindak setelah ulama-ulama di Selangor memberi fatwanya. Perkara ini lebih bagus dan lebih berfaedah kepada agama Islam daripada ulama-ulama di bawah Jabatan Agama Selangor rebut dengan soal Kaum Muda Kaum Tua kerana tidakkah kedua-duanya, terutamanya Kaum Muda lebih keras daripada Kaum Tua dalam perkara mempertahankan perbuatan yang syirik? Bekerjasamalah di dalam hal-hal yang sama tujuannya dan berilah masing-masing kebebasan di dalam hal, pendapatnya yang tidak membawa kepada syirik.